

MANFAATKAN WAKTU LUANG



SEMBANG SISWA

Ikuti latihan rowing

SEBAGAI atlet mendayung (rowing), masa luang banyak diisi dengan sesi latihan.

Kerana itu, pantang ada masa. Muhammad Zahiruddin Ridzuan, 23, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan menjalani latihan rowing bersama atlet-atlet sukan yang lain.

Setiap hari, sesi kuliah akan tamat pada jam 4 petang. Selesai solat dan siapkan diri, Zahiruddin akan ke lokasi sukan untuk menjalani latihan mendayung.

Selama dua jam, bermula dari 5 hingga 7 petang, Zahiruddin akan memerlukan masa untuk latihan dan beriadah. Setakat ini, jadual sukannya berjalan lancar.

Sekiranya kuliah dibatalkan oleh pensyarah atas sebab-sebab tertentu atau kuliah habis awal, beliau yang kini memegang jawatan Timbalan Yang Dipertua 1, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniSZA sesi 2016/2017, akan menyelesaikan tugas dan hal-hal akademik yang lain. Dia juga akan menemui pensyarah untuk mengadakan perbincangan bagi subjek tertentu. Selesa semuanya, barulah Zahiruddin pergi bersukan.

Bergelar atlet, ahli MPP dan tanggungjawab sebagai penuntut, membuatkan Zahiruddin cukup sibuk. Kadang-kadang dia tiada masa untuk



ZAHIRUDDIN

menguruskan diri sendiri.

"Penat tu memanglah perat, tetapi saya benar-benar seronok. Saya tak suka la ia aktiviti untuk dilakukan. Sangat rugi kalau kita sebagai penuntut, tak buat apa-apa. Masa di universiti untuk kita kumpul ilmu dan tingkatkan nilai tambah yang sedia ada."

"Ini tidak, banyak yang saya tengok, ada rakan-rakan, yang bila habis kelas, balik bilik dan terus tidur. Bila bangun, cari makanan dan sambung tidur lagi. Cubalah usahakan sesuatu yang boleh beri impak positif dalam diri," jelasnya.



Selain santai, ia juga cara bersilaturahim sesama rakan. - Foto: 123rf.com

Bagi kebanyakan siswa dan sisi ini puas, waktu luang masing-masing turut diisi dengan aktiviti persendirian sama ada di dalam maupun luar kampus. Namun, tanggungjawab sebagai pelajar tetap menjadi keutamaan agar tidak keciciran dan terabal kerana pengisian aktiviti tersebut.



Tak suka buang masa

SEHARIAN mengikuti kuliah di fakulti, agak memenaknkan. Begitu juga dengan Salihah Azhar, 19, jadual kelas yang agak padat, membuatkan diri kadang-kadang tidak cukup rehat.

Mengatasi masalah itu, usai kuliah, Salihah ke perpustakaan untuk menghilangkan penat. Setelah 10 minit berlalu, barulah dia mengulang kaji pelajaran dan menyiapkan tugas yang diberikan pensyarah.

Kata Salihah, dia jarang menghabiskan masa bersama rakan. Kebanyakannya waktu luang dihabiskan di perpustakaan untuk mengulang kaji pelajaran. Jika kuliah habis awal, Salihah

akan ke kafe dan ke surau fakulti untuk bersolat. Kemudiannya, dia akan pulang ke asrama dan menyiapkan pelbagai perkara yang belum dilesaikan.

Penuntut jurusan Diploma Fisioterapi merangkap Esco Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan, MPP UniSZA ini berkata, pada hujung minggu, dia jarang berada di asrama kerana perlu menghadiri kuliah ganti.

"Habis kuliah, saya dan rakan luang sedikit masa ke pasar raya untuk membeli keperluan pengajian. Selesai membeli, saya kembalikan bilik dan mengisi masa dengan program diatur.

"Memandangkan saya sebahagian barisan MPP, masa yang ada agak terhad. Saya cukup sibuk dengan program dan aktiviti anjuran MPP."

"Sebab itu, bila hari biasa, saya cuba rebut masa dengan berkunjung ke perpustakaan. Prinsip saya, jangan buang masa kerana masa amat penting untuk melaksanakan kerja, ibadah dan tanggungjawab kepada diri, keluarga dan masyarakat."

"Jika terlampaui penat, boleh rehat buat seketika. Nasihat saya, siswa wajah terlibat dalam aktiviti untuk membina kemahiran berorganisasi dan berkomunikasi," katanya.